



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**



---

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH  
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
BIL. 7/2015**

**BEKALAN DAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM**

---

**KANDUNGAN**

<b>1. Tujuan</b> .....	<b>3</b>
<b>2. Latar Belakang</b> .....	<b>3</b>
<b>3. Pekeliling Yang Berkuatkuasa</b> .....	<b>3</b>
<b>4. Arahan Pelaksanaan</b> .....	<b>3</b>
<b>5. Kuatkuasa</b> .....	<b>4</b>

## 1. TUJUAN

Tujuan Surat Arahan Ketua Pengarah ini adalah untuk menjelaskan mengenai peraturan dan kadar bekalan pakaian seragam yang **diuruskan oleh semua Politeknik**.

## 2. LATAR BELAKANG

Pada masa ini, peraturan dan kadar bekalan pakaian seragam di Peringkat Politeknik diuruskan oleh Politeknik berdasarkan kepada nilai perolehan minimum yang bersesuaian seperti mana yang dinyatakan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil.6 Tahun 2011. Namun pelaksanaan bekalan pakaian seragam ini tidak dilaksanakan selaras dengan Surat Arahan Bekalan dan Pemakaian Pakaian Seragam dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan itu, peraturan ini perlu dipatuhi oleh semua Politeknik.

## 3. SURAT/PEKELILING YANG BERKUATKUASA

3.1 1PP/WP2.3/2013 Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan awam.

- Semua Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah menguruskan bekalan pakaian seragam kepada pegawai masing-masing pada setiap tahun mengikut prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang ditetapkan.
- Kementerian/Jabatan/Agensi menguruskan pembekalan kasut berdasarkan prosedur perolehan kewangan yang berkuat kuasa mengikut bilangan kelayakan pegawai di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1995 dan akta/peraturan perkhidmatan berkaitan serta pindaannya

3.2 Surat Arahan Bekalan dan Pemakaian Pakaian Seragam Pembantu Am pejabat dan Pemndu di Kementerian Pendidikan Malaysia. (Ruj.KPM.BKP.300-1/12(29) bertarikh 28 Februari 2014.

## 4. ARAHAN PELAKSANAAN

4.1 Reka bentuk dan warna pakaian seragam diselaraskan seperti di **LAMPIRAN A**;

4.2 Setiap pegawai yang layak dibekalkan dengan **3 pasang pakaian seragam dan 2 pasang kasut** yang nilainya hendaklah mengikut kadar di bawah **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6/2011**;

4.3 Urusan bekalan diselesaikan sebelum **31 Mac setiap tahun**;

4.4 Urusan bekalan hendaklah mematuhi peraturan kewangan dan tatacara perolehan yang sedang berkuat kuasa; dan

4.5 Semua Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan pegawai yang dibekalkan pakaian seragam memakainya semasa bertugas.

**5. KUATKUASA**

Arahan ini **berkuatkuasa serta-merta** dan sah selagi Pekeliling yang dinyatakan tidak pinda atau dibatalkan.




(YBHG. DATUK HJ. MOKLIS BIN JAAFAR)

KPT/JPP/BKP(S)/07/01/025(7)  
16 Januari 2015

(LAMPIRAN A)

**REKA BENTUK DAN WARNA PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU AM  
PEJABAT SEMASA BERTUGAS RASMI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**a) Pakaian Seragam Pembantu Am Pejabat (Lelaki)**



Jenis Pakaian	Warna	Nombor Kod
Baju	Biru Muda	Alaskan Blue, 15-4225 TPX
Seluar	Hitam	Black Phantom, 19-4205 TPX

**Nota:** Pemakaian pada setiap hari.

## b) Pembantu Am Pejabat (Perempuan)



Jenis Pakaian	Warna	Nombor Kod
Tudung	Cerah dan bersesuaian	-
Baju	Biru Tua	Blue, 19-3952 TCX
Kain	Biru Tua	Blue, 19-3952 TCX

**Nota:** Pemakaian pada setiap hari.

**c) Pemandu Khas \***

Jenis Pakaian	Warna	Nombor Kod
Baju	Biru Tua	Dark Blue, 19-3940 TPX
Seluar	Biru Tua	Dark Blue, 19-3940 TPX

**Nota:** Pemakaian pada setiap hari.

\*Pemandu kepada Anggota Pentadbiran dan Anggota Pengurusan Tertinggi KPM

## d) Pemandu



Jenis Pakaian	Warna	Nombor Kod
Baju	Biru Tua	Dark Blue, 19-3940 TPX
Seluar	Biru Tua /Hitam	Dark Blue, 19-3940 TPX / Black Phantom, 19-4205 TPX

**Nota:** Pemakaian pada setiap hari.